

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 30.11.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pencapaian peratus siap pembinaan sekolah di bawah RMK-10 mengikut negeri-negeri dan apakah tindakan yang diambil terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan projek yang ditetapkan.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), **sebanyak 3501 atau 89% projek telah siap** dilaksanakan. Bagi kontraktor yang gagal menyiapkan projek seperti ditetapkan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jawatankuasa Projek Sakit akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut prosedur yang ditetapkan termasuk langkah penamatan kerja. Selain itu, Kementerian juga tidak akan melantik mana-mana kontraktor yang telah disenarai hitam dan bermasalah bagi projek-projek KPM pada masa akan datang.